



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

12 BIDANG KECAKNAAN PAYUNGI WILAYAH PERSEKUTUAN: WILAYAH PRIHATIN

PUTRAJAYA, 25 Ogos 2020 – Hari ini dengan sukacitanya saya ingin mengumumkan pra pelancaran penjenamaan Wilayah Persekutuan sebagai Wilayah Prihatin melalui sesi townhall pertama iaitu melibatkan warga Kementerian Wilayah Persekutuan.

Selepas ini ada beberapa siri townhall lagi yang akan dilaksanakan sebagai langkah *brand familiarization* Wilayah Persekutuan: Wilayah Prihatin melibatkan semua agensi di dalam Kementerian Wilayah Persekutuan.

Hasrat penjenamaan Wilayah Persekutuan: Wilayah Prihatin adalah untuk menjadikan negeri ini sebuah negeri yang prihatin terhadap rakyat dan juga alam sekitar, flora dan fauna yang berada di dalam negeri ini melalui sikap, budaya dan pentadbiran Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi.

Melalui sesi *townhall* diharapkan seluruh warga Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensinya dapat menyelami semangat, sikap dan tindakan yang perlu mereka jiwai dan laksanakan bagi menjadikan Wilayah Persekutuan ini Wilayah yang prihatin.

Terdapat 12 bidang kecaknaan yang akan diisi dengan pelbagai program bagi merealisasikan keprihatinan ini. 12 bidang kecaknaan ini adalah seperti berikut: Cakna Perumahan; Cakna Gelandangan; Cakna Kemiskinan; Cakna Keselamatan; Cakna Perpaduan; Cakna Keindahan; Cakna Kebersihan; Cakna Sukan; Cakna Asnaf; Cakna Usahawan; Cakna Kehijauan dan Cakna Seni Budaya. Setiap cakna tersebut akan menjadi menjadi payung kepada dasar, program dan perkhidmatan yang sentiasa dilaksanakan tetapi distruktur semula dan ditambah baik untuk menjadi lebih mantap dan komprehensif mengikut kumpulan sasar tertentu.

Melalui setiap sesi *townhall*, akan dilancarkan satu produk atau program dalam salah satu bidang kecaknaan. Untuk sesi *townhall* peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan, bidang kecaknaan yang diberi tumpuan adalah cakna kehijauan dan program dan dasar yang dilancarkan adalah mengenai dasar penggunaan produk biodegradasi di Wilayah Persekutuan.

Tujuan cakna kehijauan ini adalah untuk mendidik warga Wilayah Persekutuan menjaga alam sekitar bagi mencapai matlamat membangunkan bandar hijau. Melalui cakna kehijauan, pelbagai kempen dan aktiviti kesedaran akan diteruskan bagi memberi pendidikan kepada rakyat mengenai dasar ini.

Misalnya sektor perniagaan diwajibkan menggunakan produk biodegradasi agar dapat mengekalkan kelestarian alam sekitar dan meminimumkan risiko pencemaran. Melalui kecaknaan ini juga orang ramai digalakkan menggunakan beg kertas atau beg pakai buang apabila membeli-belah supaya penggunaan beg plastik dapat dikurangkan sehingga akhirnya budaya dan amalan baru dapat diamalkan.

Wilayah Persekutuan selaku Wilayah Prihatin dan cakna kepada kelestarian alam sekitar akan meneruskan dasar-dasar yang baik untuk alam sekitar dan biodegradasi seperti yang diputuskan oleh kerajaan di peringkat pusat.

Pada hari ini juga turut disampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada 26 orang warga Kementerian yang telah melaksanakan tugas dan memberikan sumbangan kerja dengan cemerlang pada tahun 2019.

Warga Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi perlu menghayati dan membudayakan perkhidmatan berteraskan Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin dengan berhemah dan adil. Semua inisiatif yang diperkenalkan dan dilaksanakan adalah demi kepentingan rakyat sekaligus dapat meningkatkan kesejahteraan kehidupan mereka.

Tan Sri TPr Annuar bin Haji Musa
Menteri Wilayah Persekutuan
25 Ogos 2020